

Tergamak bunuh penyu

DUNGUN - "Saya sangkakan penyu naik bertelur, rupanya haiwan itu sudah mati," kata nelayan yang menjumpai seekor penyu betina dewasa terdampar mati di pantai kampung Jambu Bongkok, malam semalam.

Keterangan Mokhtar Zakaria, 55 yang menyangka spesis terlindung itu datang bertelur di pantai hadapan rumahnya bertukar kecawa melihat keadaan penyu dalam keadaan menyedihkan.

Kedua-dua belah kaki penyu agar dari spesies Chelonia mydas itu terikat dengan tali dipercayai dilakukan oleh pihak tak bertanggungjawab.

Ketua Cawangan Mamalia Marin, Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Rantau Abang Mohd Tamimi Ali Ahmad berkata, periksaan awal mendapati penyu berkenaan mati akibat tindakan individu atau pihak tidak bertanggungjawab yang sengaja berbuat demikian.

Menurutnya, dalam kes tersebut penyu itu cuba ditangkap dalam keadaan hidup dengan cara mengikat kedua-dua kaki renangnya.

"Kelihatan jelas tali yang terbelit itu sengaja diikat pada kedua-dua kaki renang hadapannya.

"Penyu ini mungkin tercincir dari kapal dan tali yang diikat mengakibatkannya tidak dapat berenang dan mengambil nafas di per-



Pihak tidak bertanggungjawab dipercayai sengaja mengikat kedua-dua kaki renang penyu betina ini untuk tujuan tertentu.

mukaan air.

"Jika lebih daripada 30 minit penyu tidak dapat mengambil udara di permukaan maka ia akan mati lemas dan tenggelam ke dasar laut," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan penelitian penyu tersebut mati dalam tempoh 24jam yang lepas kerana lemas.

"Penyu agar ini dianggarkan berusia dalam lingkungan 15 hingga 20 tahun dan telah matang untuk bertelur.

"Panjang karapasnya 90 sentimeter (sm) dan lebar 84 cm dengan berat dalam 80 kilogram," katanya.

Mohd Tamimi berterima kasih kepada orang ramai

yang prihatin terhadap keskes kedamparan penyu dan menyeru masyarakat untuk sama-sama melindungi spesies terancam itu.

"Sekiranya orang ramai menjumpai kes kedamparan spesies marin terancam bolehlah melaporkan terus ke Pusat Operasi Jabatan Perikanan (FishCom) di Putrajaya melalui talian 0388704058 @ 0388704028 atau melaporkan terus ke Pejabat Daerah Perikanan terdekat dengan tempat kejadian," katanya.

Sepanjang Januari hingga Mac 2018, sebanyak empat kes kedamparan penyu dilaporkan berlaku.